

DATE: 6 JULY 2013
PUBLICATION: UTUSAN MALAYSIA
SECTION: BUSINESS
HEADLINE: INTAI PELUANG AMBIL ALIH SYARIKAT
CATEGORY: COMPANY NEWS
MEASUREMENT: 420 CM²

Saham bakal disenaraikan di Bursa Malaysia pada 30 Julai

Intai peluang ambil alih syarikat



DARI kiri: Hadian Hashim, Pengarah Eksekutif RHB Investment Bank Bhd., Onh Ju Yan, Andreas Johannes Raymundus Van Strijp dan Kong Sool Lin menunjukkan prospektus Sona Petroleum di Kuala Lumpur, semalam. —UTUSAN/FARID JANUJIN

Oleh FAZRINA AYU RADUIAN
ekonomi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 5 Julai - Sona Petroleum Bhd. (Sona Petroleum), berhasrat untuk mengintai peluang mengambil alih syarikat yang terlibat dalam aktiviti penerokaan dan pengeluaran minyak dan gas di ASEAN serta negara terpilih di Afrika dan Timur Tengah.

Pengarah Urusannya, Datuk Seri Hadian Hashim berkata, prospek bagi permintaan tenaga khususnya minyak sentiasa meningkat pada kadar tiga sehingga enam peratus.

"Kami lebih tertumpu kepada penerokaan dan pengeluaran berbanding dengan syarikat-syarikat lain yang lebih menjurus ke arah sumber."

"Daripada segi ini, kita melihat syarikat yang beroperasi di ruang yang berbeza dan tidak akan mempunyai banyak persaingan," katanya ketika sidang akhbar sempena pelancaran prospektus Sona Petroleum di sini hari ini.

Yang turut hadir ialah Pengerusi Sona Petroleum, Andreas Johannes

SONA
SONA PETROLEUM BERHAD

Raymundus Van Strijp dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif CIMB Investment Bank Bhd., Kong Sool Lin dan

Katanya, Sona Petroleum turut menasakikan mengumpul dana sebanyak RM550 juta daripada penyenaraian tawaran awam permulaannya (IPO).

IPO itu melibatkan jumlah penawaran 1.1 bilion saham baharu, satu sen setiap satu, bersama-sama 1.1 bilion waran boleh cerai percuma.

Ia berdasarkan kepada satu waran untuk setiap saham terbitan awam pada harga 50 sen sesaham.

Selepas penyenaraian, Sona Petroleum dijangka mempunyai modal pasaran berjumlah sehingga RM705.4 juta.

Menurut Hadian, syarikat akan disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia pada 30 Julai ini.